

Padah jika kacau rizab sungai

KOSMO 30/1

BANGI – Penduduk Bangi Perdana di sini mendakwa, cadangan membangunkan kawasan sepanjang 0.5 kilometer berhampiran rizab Sungai Langat boleh mendatangkan kesan buruk.

Ini berikutan kawasan rizab itu selama ini berfungsi sebagai zon penambat hakis, manakala tanaman di sekitarnya telah mengukuhkan struktur tanah berdekatan.

Penduduk turut kluatir masalah mendakan tanah yang dihadapi mereka ketika ini akan menjadi lebih meruncing.

Menurut Pengerusi Persatuan Penduduk taman itu, Datuk Mohd. Zaidi Mohd Zain, 40, penduduk sepakat mahukan kawasan itu dikekalkan sebagai kawasan hijau atau tempat rekreasi.

“Penduduk membelanjakan wang yang banyak untuk membeli rumah di sini kerana pemandangan, kehijauan, kesegaran dan ketenangan di situ.

“Nilai estetika ini akan hilang jika Perbadanan Kemajuan Ne-

geri Selangor (PKNS) meneruskan rancangan untuk memajukannya,” jelasnya.

Bagi Raja Ariffin Raja Ahmad, 51, PKNS sepatutnya memikirkan bagaimana untuk meningkatkan lagi keselesaan penduduk di situ dan bukan sebaliknya.

“Ini tidak, kawasan hijau sebegini cepat benar mahu ‘di-usik’, tetapi kegiatan yang tidak berlesen di sebarang sungai tidak pula dihiraukan,” keluhnya.

Penduduk juga berpendapat, niat PKNS itu tidak sesuai kerana menurut Mohd. Jefri Derani, 45, ia terlalu kecil untuk dijadikan kawasan perumahan.

“Rizab sungai itu hanya selebar 30 hingga 50 meter, bayangkan bahaya yang akan dihadapi penduduk yang bakal tinggal di perumahan yang akan dibina itu,” tegasnya.

Justeru, penduduk meminta PKNS menimbangkan semula rancangannya itu serta mengekal atau menjadikannya taman rekreasi.



SEBAHAGIAN kawasan tepi Sungai Langat di Bangi 3 yang telah ditambak dipercayai untuk membuat jalan.

HAYAT SUEET